



جدوال فمباچاعن خطبه جمعة

سيري 9 / 2022

(Bulan September Tahun 2022)

ب	تاجوق	تاریخ
1.	قليهاراله اينستيتوسي ككلواركاءن اسلام	2.9.2022M/ 5 Safar 1444H
2.	برسدرهان دالم بربنجا	9.9.2022M/ 12 Safar 1444H
3.	خطبة سقنا هاري مليسيما	16.9.2022M/ 19 Safar 1444H
4.	سهييت قمودا الكھف	23.9.2022M/ 26 Safar 1444H
5.	منجاڭ پاوا ساتو كواچيڭن	30.9.2022M/ 3 Rabi'ulawwal 1444H
	خطبه كدوا	

ۋەزىتىنىڭ دىپىلەيە:



Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pendidikan Islam,
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Sehebat Pemuda Al Kahfi

(23 September 2022M / 26 Safar 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْعِبَادَ أَطْوَارًا، وَجَعَلَهُمْ فِي الشَّبَابِ أَكْثَرَ قُوَّةً وَأَذْدِهَارًا،
وَأَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
رَبِّي أَصْحَابَهُ فَكَانُوا أَسْمَى النَّاسِ أَخْلَاقًا وَأَعْمَالًا، وَأَرْكَاهُمْ أَفْوَالًا وَأَفْعَالًا.

صَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَسَلَّمَ وَعَلَى أَصْحَابِهِ مُهَاجِرِينَ وَأَنْصَارِينَ، وَمَنْ تَبَعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ لَيْلًا وَنَهَارًا. أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، أُوصِيُّكُمْ وَنَفْسِي
بِتَقْوَاهُ، وَالْعَمَلِ بِمَا فِيهِ رِضَاهُ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Tidak ada nasihat yang paling agung yang ingin diseru dari atas mimbar yang mulia ini, melainkan mengajak semua sidang Jumaat untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Taatilah segala suruhan Allah dan tinggalkanlah segala perkara yang ditegah oleh Allah. Semoga kita beroleh ketakwaan yang sebenar di sisi Allah.

Di samping itu, khatib ingin mengingatkan sidang jumaat sekalian agar memberikan fokus dan mendengar dengan bersungguh-sungguh khutbah jumaat ini serta tidak leka bermain gajet, melayan mesej *Twitter*, *Instagram*, *Facebook*, *Whatsapp* dan sebagainya kerana ia boleh mencacatkan pahala Jumaat. Tajuk khutbah minggu ini ialah “**Sehebat Pemuda Al Kahfi**.”

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,



Saban minggu apabila tibanya hari Jumaat, antara amalan yang dituntut untuk dilaksanakan ialah membaca surah Al-Kahfi. Ini adalah berdasarkan sebuah hadis Abu Said Al Khudri رضي الله عنه ورسوله ﷺ bahawa Nabi ﷺ bersabda:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ فِيمَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْبَيْتِ
الْعَتِيقِ

Maksudnya: “Barang siapa membaca surah Al-Kahfi pada malam Jumaat, maka dipancarkan cahaya untuknya sejauh antara dirinya dan Baitil Atiq.”

(Sunan Ad-Darimi: 3273)

Kelebihan surah Al-Kahfi juga ada disebutkan dalam sebuah hadis sebagai penyelamat kita daripada fitnah dajjal. Daripada Abu Darda' رضي الله عنه bahawa Nabi ﷺ bersabda:

مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ سُورَةِ الْكَهْفِ عُصِمَ مِنَ الدَّجَالِ

Maksudnya: “Sesiapa yang menghafaz 10 ayat daripada awal surah Al-Kahfi akan terselamat daripada fitnah dajjal.”

(Hadis Riwayat Muslim)

Namun begitu, di sebalik kelebihan dan fadhilat yang ada pada surah Al-Kahfi, adakah kita semua menyedari kisah yang melatar di bahagian permulaan ayat dalam surah ini dan seterusnya ia diangkat menjadi nama surah?

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI SEKALIAN,

Ya, kisah yang disebut di permulaan surah Al-Kahfi adalah berkaitan beberapa orang pemuda yang menyembunyikan diri dalam gua demi mempertahankan akidah dan mereka digelar sebagai *Ashabul Khafi* (penghuni gua).



Di dalam kitab *Al Bidayah Wa Nihayah*, Imam Ibnu Kathir menceritakan bahawa peristiwa pemuda Al-Kahfi berlaku pada zaman selepas perutusan Nabi Isa عَلَيْهِ السَّلَامُ. Pemuda-pemuda ini telah berpakat untuk berkumpul pada hari perayaan dan melihat kaum mereka sujud kepada berhala. Lalu mereka berazam untuk menentang kesyirikan kaum yang menyembah berhala kepada menyembah Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى yang Maha Esa dan tidak ada sekutu bagi-Nya. Al Quran menceritakan tentang perihal kaum yang syirik kepada Allah seperti dalam firman-Nya:

هُوَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
وَمَنْ دُونَهُ هُوَ الْغَيْرُ
لَوْلَا يَأْتُونَ عَلَيْهِمْ بِسُلْطَنٍ
فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ
١٥أَفْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا

Maksudnya: “(Mereka berkata pula sesama sendiri): Kaum kita itu, menyembah beberapa Tuhan yang lain dari Allah; sepatutnya mereka mengemukakan keterangan yang nyata yang membuktikan ketuhanan makhluk-makhluk yang mereka sembah itu? (Tetapi mereka tidak dapat berbuat demikian); Maka tidak ada yang lebih zalim dari orang-orang yang berdusta terhadap Allah.”

(Surah Al Kahfi: 15)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Pemuda Al Kahfi mengasingkan diri ke dalam gua untuk menyelamatkan akidah daripada kesesatan. Pengorbanan dan kesungguhan mereka dalam mempertahankan akidah tauhid kepada Allah menyebabkan mereka dikurniakan rahmat yang luar biasa oleh Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى apabila mereka ditidurkan selama 309 tahun seperti firman-Nya dalam Surah al-Kahfi ayat 15:

وَلَبِثُوا فِي كَهْفِهِمْ ثَلَاثَ مِائَةٍ سِنِينَ وَأَزْدَادُوا نِسْعًا
١٥

Maksudnya: “Dan mereka telah tinggal tidur dalam gua mereka: tiga ratus tahun (dengan kiraan ahli kitab), dan sembilan lagi (dengan kiraan kamu).”



ia adalah suatu tempoh yang tidak munasabah untuk tidur. Namun, kekuasaan Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى mengatasi segala kemungkinan yang ada di dunia ini. Semuanya adalah di bawah kuasa Allah yang Maha Bijaksana mentadbir sekelian alam. Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى berfirman:

قُلْ أَللّٰهُ أَعْلَمُ بِمَا لَيْثُوا لَهُ وَغَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ أَبْصَرْ بِهِ وَأَسْمِعْ مَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ
مِنْ وَلِيٍّ وَلَا يُشَرِّكُ فِي حُكْمِهِ أَحَدًا

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): “Allah juga yang mengetahui tentang masa mereka tidur; bagi-Nyalah tertentu ilmu pengetahuan segala rahsia langit dan bumi; terang sungguh penglihatan-Nya (terhadap segala-galanya!) Tidak ada bagi penduduk langit dan bumi pengurus selain daripada-Nya dan ia tidak menjadikan sesiapapun masuk campur dalam hukum-Nya.”

(Surah Al Khafi: 26)

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Menelusuri kisah para pemuda yang hebat ini, marilah kita bersama-sama mengambil iktibar dan pedoman tentang ciri-ciri kehebatan yang ada dalam diri mereka walaupun mereka terpaksa berhadapan dengan raja yang zalim.

Ciri Pertama: Keteguhan dan Kejituan Iman Kepada Allah

Inilah asas utama yang perlu ada dalam diri setiap muslim jika ingin menjadi seumpama pemuda Al Kahfi. Akidah yang benar akan melahirkan muslim yang jelas matlamat hidup mereka dan tidak akan tunduk menyembah selain Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Apa yang diingini mereka hanyalah keredhaan dan syurga yang penuh dengan kenikmatan.



Ciri Kedua: Kekuatan Ukhuwah dan Persaudaraan

Kisah ini bukan hanya melibatkan seorang individu sahaja tetapi melibatkan tujuh orang pemuda dan mereka tetap bersatu hati walaupun diancam nyawa. Sifat kebersamaan ini menjadikan mereka kuat dan tetap pendirian. Ibarat ke bukit sama di daki, ke lurah sama dituruni. Kekuatan ukhuwah ini terjelma di dalam masyarakat apabila para anggotanya memiliki matlamat dan hala tuju yang sama seperti yang ditunjukkan oleh pemuda Al Kahfi. Firman Allah dalam Surah al-Kahfi ayat 28:

وَأَصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِالْغَدْوَةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ
عَنْهُمْ شُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ الْدُّنْيَا وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ وَعَنْ ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَانَهُ وَكَانَ
أَمْرُهُ فُرُطًا ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadah kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredhaan Allah semata-mata dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada menghayati dan mamatuhi pengajaran Kami di dalam Al Quran, serta dia menurut hawa nafsunya dan tingkah lakunya pula adalah melampaui kebenaran.”

Ciri Ketiga: Berani Dalam Mempertahankan Kebenaran

Inilah sikap yang terpuji yang perlu ada dalam diri anak muda masa kini. Apa yang kita inginkan adalah pemuda yang mempunyai prinsip dan jati diri yang kukuh serta tidak mudah mengalah kepada ugutan, hasutan, ancaman mahupun pujuhan yang menyeleweng daripada kebenaran. Sudah menjadi tabiat kehidupan di dunia ini bahawa yang hak dan benar akan sentiasa bertembung dengan yang batil dan



sesat. Oleh itu, menjadi keperluan buat anak muda untuk memiliki kebenaran dalam mempertahankan agama, bangsa dan negara. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى :

وَرَبَطْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَنْ نَدْعُوْ مِنْ دُونِهِ إِلَّا هُوَ^{١٤}
لَقَدْ قُلْنَا إِذَا شَرَطْنَا

Maksudnya: “Dan Kami kuatkan hati mereka (dengan kesabaran dan keberanian), semasa mereka bangun (menegaskan tauhid) lalu berkata: “Tuhan kami ialah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi; Kami tidak sekali-kali akan menyembah Tuhan yang lain daripada-Nya; jika kami menyembah yang lainnya bermakna kami memperkatakan dan mengakui sesuatu yang jauh dari kebenaran.” (Surah Al Kahfi: 14)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Begitulah kehebatan dan ketakwaan yang ada pada diri pemuda yang mampu mengubah dunia. Syaratnya adalah pemuda perlu dididik, dibimbing dan didorong berpandukan wahyu Ilahi untuk melonjakkan potensi yang ada dalam diri agar boleh memimpin masyarakat menjadi kuat, maju dan berdaulat.

Mengakhiri khutbah pada hari yang penuh keberkatan, khatib ingin menyeru semua hadirin sekalian, supaya mengambil contoh, pedoman dan pengajaran, yang ada pada diri pemuda Al-Kahfi dalam perjuangan mempertahankan agama dan bangsa, keimanan dan keyakinan yang teguh kepada Tuhan, ukhuwwah dan persaudaraan yang kukuh dan berkekalan serta sikap berani mempertahankan kebenaran. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى :



أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمَ كَانُوا مِنْ عَائِتِنَا عَجَّابًا ① إِذْ أَوَى الْفِتْيَةُ إِلَيْهِ
الْكَهْفَ فَقَالُوا رَبَّنَا مَنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيَّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ②

Maksudnya: “Adakah engkau menyangka (wahai Muhammad), bahawa kisah “Ashabul Kahfi” dan “Ar-Raqim” itu sahaja yang menakjubkan di antara tandatanda yang membuktikan kekuasaan Kami? (Ingatlah peristiwa) ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa: Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisi-Mu dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami.”

(Surah Al Kahfi: 9-10)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، إِنْ كَانَ صَوَابًا فَمِنَ اللَّهِ الْمَنَانِ، وَإِنْ كَانَ خَطَأً فَمِنْ نَفْسِي وَالشَّيْطَانِ، وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





خطبة كدوا بولن سیقتیبر

2022M/ 1444H

الحمد لله على آلائه واحسانه، والشكر له على توفيقه وامتنانه،
واشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له تعظيمًا لشأنه،
واشهد أنَّ مُحَمَّدًا عبده ورَسُولُه داعيًا إلى رضوانه.

صلى الله وسلم على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه، عدد خلقه ورضاه نفسيه،
وزنة عرشه ومداد كلماته.

أما بعد، فيا عباد الله، اتقوا الله تعالى ربكم حق تقاته، وأعملوا بطاعته ومراضاته،
ثُمَّ اعلموا أن الله سبحانه وتعالى أمركم بأمر بدأ فيه بنفسه؛ فقال - علیما حكيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتْهُو يُصَلِّونَ عَلَى الَّتِي يَأْمُرُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللهم صل وسلام على عبدك ورسولك محمد نالبشير النذير، والسراج المنير،
وارض اللهم عن آله وصحابته أجمعين، وعن التابعين، ومن تبعهم بإحسان إلى
يوم الدين، وعنا معهم بعفوك وكرمك واحسانك يا أرحم الرحيمين.

اللهم اغفر للمسلمين والمسلمات المؤمنين والمؤمنات الأحياء منهم والأموات،
اللهم آمنا في أوطاننا، وأصلح واحفظ أمتنا وعلماءنا وزراءنا وولاة أمورنا.



اللَّهُمَّ وَفِقْهُمْ لِمَا فِيهِ عُزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهَمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذَلِكَ صَاحِبُ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالرِّزْنَا وَالرِّزْلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَنْ بَلْدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ إِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf.



Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami, pemuda-pemuda kami, pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara.

Ya Allah! Kau hindarilah kami daripada perbuatan-perbuatan khianat dan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ مَا يَعْمَلُونَ ﴿٤٥﴾
اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

